

ANALISIS STRUKTUR PLOT NOVEL SEJARAH ISLAM UMAR AL-KHATTAB: REFORMIS DUNIA ISLAM (2010) KARYA ABDUL LATIP TALIB MELALUI PENDEKATAN MAQASID SYARIAH

AN ANALYSIS OF PLOT STRUCTURE IN ISLAMIC HISTORICAL NOVEL UMAR AL-KHATTAB: REFORMIS DUNIA ISLAM (2010) BY ABDUL LATIP TALIB THROUGH MAQASID SYARIAH APPROACH

Siti Nursyahirah Binti Abdullah¹
Siti Normala Hamzah²
Izra Inna Hj Md Idris³

¹Penulisan Kreatif, Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia (2021305767@student.uitm.edu.my)

²Penulisan Kreatif, Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia, Corresponding Author (normalahamzah@uitm.edu.my)

³Penulisan Kreatif, Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia (izrainna@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 19-9-2023
Revised date : 25-9-2023
Accepted date : 29-10-2023
Published date : 14-11-2023

To cite this document:

Abdullah, S. S., Hamzah, S. N., & Md Idris, I. I. (2023). Analisis Struktur Plot Novel Sejarah Islam Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam (2010) Karya Abdul Latip Talib Melalui Pendekatan Maqasid Syariah. *Journal of Islamic, social, economics and Development (JISED)*, 8 (58), 215 – 232.

Abstrak: Kajian ilmiah ini memfokuskan kepada novel Sejarah Islam karya Abdul Latip Talib bertajuk Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam (2010) yang berkisarkan kepimpinan, keperibadian dan sumbangan Umar Al-Khattab sepanjang menjadi khalifah umat Islam di zaman pemerintahannya. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti struktur plot dalam novel ini dan menganalisis struktur tersebut dengan menggunakan lima prinsip al-Dharuriyat, Maqasid Syariah yang dipelopori oleh Abu Ishaq Al-Shatibi. Menurut Rabiatu Adawiah et al. (2019) Maqasid Syariah sesuai digunakan sepanjang zaman dan sesuai diaplikasikan dalam semua bidang. Kajian lepas menunjukkan bidang Maqasid Syariah lebih tertumpu kepada aspek perundangan, pentadbiran, keagamaan dan pendidikan, namun agak kurang dalam bidang sastera dan karya kreatif. Setakat ini hanya satu kajian Maqasid Syariah yang dilakukan dari aspek bidang karya kreatif, iaitu Gurindam Dua Belas Mahakarya Raja Ali Haji. Justeru, kajian ini akan mengaplikasikan Maqasid Syariah dengan memfokuskan struktur plot dalam novel Sejarah Islam Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam (2010) sebagai bahan penyelidikan. Kaedah kajian adalah secara kualitatif, iaitu menggunakan analisis tekstual. Dalam kajian ini terdapat lima prinsip al-Dharuriyat, Maqasid Syariah yang dianalisis, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta bagi memperlihatkan aspek kepimpinan yang dipaparkan oleh watak-watak dan peristiwa dalam novel. Oleh itu, kajian

yang dilakukan diharap dapat membuka jalan pengkaji akan datang untuk menggunakan pendekatan Maqasid Syariah ini dalam penulisan kreatif yang lain.

Kata Kunci: Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam, Abdul Latip Talib, Maqasid Syariah

Abstract: *This study focuses on the Islamic historical novel by Abdul Latip Talib entitled Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam (2010), which revolves around the leadership, personality and contribution of Umar Al-Khattab during his reign as the Caliph of Muslims. The main objective of this study is to identify the plot structure of the novel and analyze them by applying the five principles of al-Dharuriyat of Maqasid Sharia, pioneered by Abu Ishaq Al-Shatibi. According to Rabiatu Adawiah et al. (2019) Maqasid Sharia provides the guidance to all that regulates their way of life throughout time and can be applied in all disciplines. The previous studies have shown that the field of Maqasid Sharia is more prominent on law, administration, religion and education, but relatively less in the field of literature and creative works. To date, only one study of Maqasid Sharia has been done from the aspect of creative works, which is Gurindam Dua Belas Mahakarya Raja Ali Haji. Thus, this study aims to explore the application of Maqasid Sharia by focusing on the plot structure in the Islamic historical novel Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam (2010). The research method is qualitative, that is using textual analysis. In this research there are five principles of al-Dharuriyat of Maqasid Sharia used, namely protection of faith, protection of life, protection of intellect, protection of lineage and protection of property, which to manifest the leadership aspects displayed by the characters and the events in the novel. Therefore, the research conducted is expected to pave the way for future researchers to use this Maqasid Sharia approach in other creative writing.*

Keywords: Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam, Abdul Latip Talib, Maqasid Syariah

Pengenalan

Sastera Islam merupakan gabungan daripada dua perkataan, iaitu sastera dan Islam. Berdasarkan Abdul Hakim Abdullah *et al.* (2015), istilah sastera itu bererti adab dalam bahasa Arab yang membawa maksud untuk mendorong seseorang atau membentuk seseorang. Hujahan Gibb (1960) menyatakan bahawa sastera berkait rapat dengan akidah kerana Islam tidak melarang ataupun menolak sastera malah membantu pembentukan akidah dalam kalangan pembaca, namun sekiranya sebuah karya sastera itu melanggar syariah Islam maka perkara tersebut adalah dilarang sama sekali (Abdul Hakim Abdullah *et al.*, 2015). Ahmad Nabil Amir dan Tasnim Abdul Rahman (2020), pula mentakrifkan sastera Islam sebagai kurniaan kebijaksanaan yang diterima oleh golongan manusia daripada Allah SWT. Manakala menurut Kasim Ahmad (1983), sastera Islam adalah satu bentuk kesusasteraan yang dicipta oleh manusia menggunakan bahasa dan mengandungi keindahan serta kebenaran sebagai tujuan menerapkan pengajaran al-Quran, al-Hadis dan sunnah Rasulullah SAW (Ahmad Nabil Amir & Tasnim Abdul Rahman, 2020).

Kemunculan sastera Islam di Timur Tengah mulai tersebar pada awal dekad 50-an berikutan arus kebangkitan Islam yang dibawa oleh tokoh reformasi Islam yang ingin menjadikan bahan sastera sebagai media untuk menyampaikan dakwah (Asma Mohd Yusof & Nursafira Ahmad Safian, 2019). Hal ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat melalui penyampaian mesej reformasi yang dibawa pada zaman itu melalui penghasilan buku. Buku yang dihasilkan sarat dengan ilmu berunsurkan keislaman, yang telah mengubah perspektif rakyat terhadap sastera. Abdul Hakim Abdullah *et al.* (2015), telah menafsirkan bahawa munculnya beberapa

sasterawan Islam yang terkenal pada zaman Rasulullah SAW di kawasan Timur Tengah antaranya Hasan Ibn Thabit, Kacab ibn Zuhayr, dan Kacab ibn Malik serta Abdullah ibn Rawahah. Sasterawan Islam ini telah memperkenalkan keindahan dalam berkarya dan menekankan bahawa agama Islam sebagai kebenaran. Justeru, kewujudan sasterawan Islam tersebut telah banyak menyumbangkan kepada kelahiran karya Islam moden yang sehingga kini masih lagi menekankan kebenaran agama Islam, kepentingan ilmu tauhid serta pegangan yang kukuh kepada al-Quran, hadis dan juga sunnah Rasulullah SAW. Pada perkembangan awal Islam, karya sastera Islam telah digunakan sebagai senjata atau alat bagi mempertahankan dan melindungi akidah serta menentang kekufuran bahkan membantu memberi dorongan yang kuat kepada semangat perjuangan umat Islam. Setelah Islam semakin kukuh bertapak, sastera telah dijadikan sebagai salah satu medium bagi menyampaikan dakwah dengan mesej yang padat dan berhikmah serta menjadi pentas untuk melahirkan kreativiti dengan menekankan kehebatan dan kekuatan agama Islam (Abdul Hakim Abdullah *et al.*, 2015).

Seterusnya, selari dengan perkembangan Islam yang semakin pesat maka bertambahlah penubuhan gerakan serta kegiatan dakwah Islam di Timur Tengah. Perkembangan ini juga merupakan rentetan pemikiran yang dibawa oleh Jamaluddin al-Afghani yang telah mempengaruhi pemikiran umat Islam di seluruh dunia pada abad ke-19, termasuk di nusantara (Hashim Ismail, 2007). Selain itu, antara tokoh penting yang terlibat dalam memperkenalkan bentuk pemikiran ini adalah tokoh Sayyid Qutb melalui artikel dan bukunya yang berkaitan sastera Islam, iaitu *Manhaj al-Adab al-Tarikh: Fikrah wa Manhaj, al-Naqdu Al-Adabi* dan *Khasais Al-Tasawwur al-Islami* buku yang masih kekal sehingga kini menjadi rujukan kepada para pengkaji yang mengamati bidang sastera bersumberkan bahasa Arab (Asma Mohd Yusof & Nursafira Ahmad Safian, 2019).

Pembaharuan yang dibawa masuk ke Tanah Melayu telah mencetuskan pemikiran yang baharu dalam kalangan orang Melayu. Seiring dengan waktu, penyebaran dakwah Islam telah berkembang melalui bidang penulisan seperti persuratan, surat khabar, buku dan kesusasteraan (Lee & Mohd Safar Hashim, 2016). Antara karya novel yang terawal di Tanah Melayu ialah *Hikayat Panglima Nikosa* (1876) karya Ahmad Shawal Abdul Hamid, *Kecurian 5 Million Ringgit* (1922) karya Haji Muhammad bin Muhammad Said dan *Hikayat Faridah Hanum* (1925) karya Syed Syeikh al-Hadi yang menjadi pemangkin utama kepada kemunculan penulis lain di Tanah Melayu (Hashim Ismail, 2007). Menelusuri sejarah kebangkitan sastera Islam di tanah air, sastera Islam mula berkembang pada sekitar tahun 1980-an (Amal Aqilah Ismail & Nursafira Ahmad Safian, 2019).

Permasalahan kajian

Penulisan struktur plot merupakan salah satu elemen penting dalam membentuk sebuah karya. Dalam analisis cerita, plot disebut dengan istilah alur hal ini adalah rangkaian cerita yang dimulai dengan cerita pembukaan dan diakhiri dengan penutup cerita. Heni (2021) menjelaskan bahawa plot merupakan teknik pengarang itu mengarang karya dalam bentuk susunan naratif agar menjadi satu aturan yang tersusun dan mengubahnya menjadi sebuah cerita. Manakala, Saleha Astri Rahaningmas dan Nurysamsi Maulana Insani (2018), mengemukakan plot pula sebagai peristiwa yang ditampilkan dalam cerita yang tidak bersifat sederhana kerana rentetan peristiwa tersebut telah disusun berdasarkan sebab dan akibat dalam sebuah cerita. Oleh yang demikian, penulisan naratif boleh dikatakan sebagai satu ikatan atau urutan yang berkesinambungan bagi membentuk satu cerita yang tersusun. Penyusunan plot juga haruslah menarik dan logik bagi membuatkan para pembaca berasa tertarik untuk membaca karya tersebut. Menurut Hannah Muniz (2019), plot dan cerita merupakan dua hal yang berbeza

kerana plot memberi penekanan kepada hubungan sebab dan akibat dalam sebuah urutan peristiwa pada naratif. Manakala, struktur plot pula mengandungi susunan seperti permulaan, pertengahan dan pengakhiran naratif. Namun, setiap karya seharusnya mempunyai lima elemen utama iaitu permulaan, aksi meningkat, klimaks, aksi menurun dan pelebaran (Hannah Muniz, 2019).

Dalam menganalisis struktur plot dalam novel Sejarah Islam *Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam* (2010) pendekatan Maqasid Syariah telah dijadikan sebagai garis panduan. Maqasid Syariah yang dipelopori oleh Abu Ishaq Al-Syatibi memperjelaskan bahawa Maqasid Syariah merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan suatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia (Abdurrahman Kasdi, 2016). Tujuan Maqasid Syariah adalah merealisasikan kemaslahatan manusia dan menghilangkan kemudharatan. Manakala, menurut ulama Al-Raysuni mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai tujuan yang didatangkan oleh syariah untuk mencapai kemaslahatan manusia (Tuan Sidek & Ismail, 2021).

Walau bagaimanapun, Maqasid Syariah mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam mempertimbangkan sesuatu perkara berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah demi menjamin kemaslahatan agar berada dalam kerangka syariat yang betul. Pembahagian Maqasid Syariah dari sudut kepentingannya terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu al-Dharuriyat, al-Hajiyyat dan al-Tahsiniyyat. Namun, dalam penulisan ini hanya al-Dharuriyat yang digunakan kerana dilihat bersesuaian untuk menganalisis struktur plot dalam novel Sejarah Islam *Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam* (2010) ini.

Al-Dharuriyat adalah masalah yang menjadi keperluan asas kepada kehidupan manusia, sekiranya masalah tidak dipelihara maka kehidupan manusia akan pincang sama ada di dunia mahupun akhirat. Masalah asas dalam al-Dharuriyat terbahagi kepada lima asas utama, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut Rabiatu Adawiah *et al.* (2019), Maqasid Syariah sesuai digunakan sepanjang zaman dan sesuai kepada semua bidang. Namun begitu, berdasarkan kajian lepas, jelas menunjukkan kurangnya kajian Maqasid Syariah yang dilakukan dari aspek bidang karya kreatif. Setakat ini terdapat satu kajian Maqasid Syariah yang berkaitan bidang sastera, iaitu *Gurindam Dua belas Mahakarya Raja Ali Haji* (Ahmad Iqbal Mohd Fadzli *et al.*, 2020). Justeru, kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan Maqasid Syariah dengan memfokuskan kepada struktur plot novel Sejarah Islam *Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam* (2010) karya Abdul Latip Talib yang mengangkat isu politik, ekonomi dan sosial.

Kajian Literatur Maqasid Syariah

Kajian Maqasid Al-Syariah: Sejarah Perkembangan serta Sumbangan Para Ulama Usul Al-Fiqh Awal dan Muta'akhirin oleh Mohd Yusri Ibrahim (2019) membincangkan mengenai pelaksanaan Maqasid Syariah dalam beberapa zaman, iaitu zaman Rasulullah SAW, pendekatan Maqasid Syariah zaman para sahabat, pendekatan kaedah Maqasid Syariah ulama awal dan muta'akhirin, pendekatan penggunaan Maqasid Syariah pada zaman kesultanan Melayu Melaka sehinggalah di era Malaysia kini. Maka, kajian ini memberi satu kefahaman yang jelas dan terperinci mengenai bidang Maqasid Syariah dari konteks sejarah. Kajian ini menyatakan bahawa Maqasid Syariah adalah perkara penting dalam pensyariatkan hukum dalam Islam kerana bermatlamat menyebarkan kebaikan dalam kehidupan manusia dari sudut kerohanian dan material demi kesejahteraan dunia dan akhirat. Pensyariatkan hukum dapat difahami secara langsung melalui rujukan nas-nas yang *qat'i* atau dapat difahami secara mafhum melalui nas-nas yang *zanni*, ataupun berdasarkan ijtihad. Kajian ini turut menyatakan

bahawa penggunaan Maqasid Syariah dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran negara lebih luas dan fleksibel kerana melibatkan keperluan manusia yang luas yang mencakupi pelbagai bidang serta masa dan tempat yang berbeza.

Kajian Muhammad Zaidi Abdul Rahman (2015) yang bertajuk *Analisis Maqasid Syariah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam* dari Universiti Malaya pula memfokuskan mengenai urusan pentadbiran negara. Kajian ini melihat Maqasid Syariah sebagai peraturan yang membantu mengatur dan melancarkan sebuah pentadbiran dan dijadikan sebagai panduan bagi merancang pembangunan negara melalui polisi yang bersesuaian dengan syarak.

Dalam kajian berikutnya, *Teori Maqasid Syariah dalam Hukum Islam* dari Ghofar Shidiq (2009) membahas kepentingan Maqasid Syariah dalam menetapkan hukum Islam kerana terdapat beberapa aturan hukum yang tidak dijelaskan secara langsung oleh syari' dan harus difahami oleh Mujtahid yang melakukan Ijtihad.

Seterusnya, Ayu Nor Azilah *et al.* (2018) yang membincangkan *Peranan Maqasid Syariah Memelihara Kedudukan Agama Islam di Malaysia* pula menyatakan bahawa penggunaan Maqasid Syariah adalah bertujuan memberikan panduan kepada umat Islam dalam kehidupan berasaskan *Amar Makruf* dan *Nahi Mungkar*. Terdapat lima aspek yang dirangkumi Maqasid Syariah sebagai panduan kepada umat Islam agar terhindar dari kemungkaran serta dapat dijadikan asas utama dalam kehidupan. Antara lima panduan yang dinyatakan ialah keperluan memelihara agama kerana agama Islam merupakan teras kepada tamadun Islam dan merupakan nikmat yang paling besar bagi menyelamatkan manusia daripada segala bencana. Panduan kedua ialah memelihara nyawa, iaitu manusia dilarang membunuh tanpa hak. Pelanggaran peruntukan undang-undang syarak ini dianggap satu jenayah dan berdosa besar. Selain itu, memelihara akal juga penting dalam kehidupan manusia kerana melalui akal manusia dapat membezakan perkara baik atau buruk serta dengan akal juga membolehkan manusia terus maju untuk berkembang. Seterusnya, memelihara kehormatan dan menjaga harta benda, iaitu segala bentuk penindasan dalam ekonomi, rasuah, amalan riba, monopoli ekonomi yang tidak seimbang, menipu hak intelek dan segala bentuk penyelewengan adalah dilarang.

Akhir sekali, kajian yang bertajuk *Maqasid Syariah dan Pendidikan Kenegaraan dalam Menganalisis Gurindam Dua Belas Mahakarya Raja Ali Haji* (2020) oleh Ahmad Iqbal Mohd Fadzli dari Universiti Sultan Zainal Abidin pula membincangkan pengaplikasian Maqasid Syariah dalam karya sastera, iaitu gurindam dan merungkai pendidikan kenegaraan serta perkaitannya dengan bidang Maqasid Syariah. Dapatan kajian ini mendapati *Gurindam Dua Belas* ini terbahagi kepada tiga tema, iaitu aspek agama dan nasihat, interaksi individu dan sosial serta teras kepimpinan dan panduannya. Tema ini juga bertepatan dengan rukun negara, iaitu kepercayaan kepada Tuhan dalam beragama, kesopanan dan kesusilaan dalam tingkahlaku interaksi manusia, serta kesetiaan kepada raja dan negara dalam suatu pemerintahan. Kajian lepas ini dapat membuktikan bahawa Maqasid Syariah ini bukan sahaja boleh digunakan dalam aspek pentadbiran, pendidikan dan perundangan malah boleh turut diaplikasikan dalam teks sastera dalam merungkai nasihat, panduan dan tatacara dalam aspek kenegaraan dan kepimpinan (Ahmad Iqbal Mohd Fadzli *et al.*, 2020).

Metodologi Kajian

Kaedah kajian adalah secara kualitatif dengan menganalisis karya novel Sejarah Islam Umar Umar Al-Khattab: *Reformis Dunia Islam* (2010) secara tekstual analisis. Naratif novel Sejarah Islam Umar Al-Khattab: *Reformis Dunia Islam* ini berkisarkan perjalanan Umar Al-Khattab

sepanjang beliau menjadi khalifah setelah wafatnya Abu Bakar As-Siddiq. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti struktur plot dalam novel ini dan merungkai prinsip kepimpinan Umar Al-Khattab menggunakan lima prinsip al-Dharuriyat, Maqasid Syariah yang dipelopori oleh Abu Ishaq Al-Shatibi.

Secara umumnya, Maqasid Syariah menurut Abu Ishaq Al-Syatibi bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia. Allah SWT telah menetapkan syariatNya untuk memberi kebaikan bagi menjamin kemaslahatan umat manusia (Abdurrahman Kasdi, 2016). Maqasid Syariah terdiri daripada dua perkataan, iaitu Maqasid dan Syariah. Maqasid boleh didefinisikan sebagai tujuan, objektif, prinsip dan matlamat (Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali, 2021). Jika ditakrifkan dari asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab, maqasid ialah *qasda* yang bermaksud menuju, arah, jalan lurus, memecahkan, pegangan, punca, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan (Norashikin Ahmad, 2020). Perkataan syariah pula berasal daripada perkataan syara'a dan dari sudut istilah bermaksud syariah, iaitu perundangan yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Rasulullah SAW untuk seluruh umat manusia dalam pelbagai bentuk. Misalnya, ibadat, akhlak, makanan, minuman, pakaian dan muamalah (Norashikin Ahmad, 2020).

Dalam Maqasid Syariah pembahagian al-Dharuriyat terbahagi kepada lima prinsip, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Al-Dharuriyat adalah masalah yang menjadi keperluan asas kepada kehidupan manusia, dan sekiranya masalah tersebut tidak dipelihara maka kehidupan manusia akan pincang sama ada di dunia mahupun akhirat.

Prinsip dalam memelihara agama ini bermakna perlunya suatu mekanisme bagi mengelakkan sebarang tindakan yang mungkin akan memusnahkan asas agama, terutama dalam mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai agama tertinggi. Menurut Mohd Izzuddin Mohd Noor dan Fatimah Nadirah Mohd Noor (2021), penjagaan agama membawa maksud melaksanakan rukun dan hukum agama dalam kehidupan. Manakala menurut Abu Ishaq Al-Syatibi Hifz al-Din agama dan akidah umat Islam adalah perkara yang perlu dipelihara agar ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW dapat menjadi keutamaan kepada setiap umat Islam. Selain itu, dalam memelihara agama ketaatan kepada pemimpin turut dititikberatkan. Justeru, agama merupakan suatu perkara yang penting kepada semua manusia untuk mendorong manusia ke arah kebenaran (Mohd Izzuddin Mohd Noor & Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2021).

Menurut Chapra (2008, dlm. Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali, 2021), mengemukakan maksud bagi *hifz al-nafs* (nyawa) yang melibatkan pencapaian, iaitu pemeliharaan maruah, persaudaraan, kesaksamaan sosial, keadilan, peningkatan rohani dan moral, keamanan, kebebasan, mengurangkan kemiskinan dan pengagihan saksama pendapatan. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021), sebagai pemerintah adalah menjadi tanggungjawab kerajaan mengelakkan pertumpahan darah dengan jalan yang tidak benar dan harus memenuhi keperluan masyarakat serta perlu menganggap nyawa adalah amanah daripada Allah SWT. Justeru, menjaga nyawa penting bagi memastikan manusia dapat meneruskan kehidupan dan negara terhindar dari menghadapi kemusnahan. Seterusnya, akal adalah anugerah pemberian oleh Allah SWT kepada manusia bagi membezakannya dengan haiwan khususnya. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021), pemeliharaan akal bermaksud memberi perlindungan kepada akal manusia dari perkara-perkara yang akan merosakkan akal fikiran kerana akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai murni dan ilmu yang bermanfaat.

Di samping itu, memelihara keturunan bermaksud melibatkan perlindungan dan pemeliharaan. Menurut Abdul Karim Zaidan (1996), penjagaan keturunan berlaku melalui hubungan jalinan perkahwinan yang telah ditetapkan oleh hukum-hakam syarak (Mohd Izzuddin Mohd Noor & Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2021). Memelihara keturunan adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat dan produktif. Aspek ini wajib dipelihara demi menjaga struktur sosial dalam masyarakat, apabila keturunan telah rosak dengan sebab menyalahi agama dan tabi'i manusia seperti penzinaan, liwat, lesbian, gay dan sebagainya maka struktur sosial akan menjadi tidak stabil dan akhirnya runtuh jalur keturunan yang suci serta merosakkan maruah agama, bangsa dan negara.

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021), memelihara harta bermakna melindungi harta kekayaan daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah. Antaranya, adalah larangan terhadap ketidakadilan dan menafikan hak. Manakala menurut Al-Wardi (2006, dlm. Mohd Izzuddin Mohd Noor & Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2021), penjagaan harta melibatkan perkara seperti cara untuk mendapatkan dan membelanjakan harta tersebut dari sebarang dosa seperti riba, judi dan penipuan. Oleh itu, sebagai seorang pemerintah adalah wajib untuk memelihara dan mengharamkan segala bentuk penindasan seperti penipuan, rasuah, penyelewengan dan perkara-perkara yang menzalimi rakyatnya.

Lima Prinsip Al-Dharuriyat Dalam Maqasid Syariah.

Maqasid Syariah menurut Abu Ishaq Al-Syatibi menyatakan bahawa Allah SWT telah menetapkan syariatNya untuk memberi kebaikan dan bagi menjamin kemaslahatan umat manusia (Abdurrahman Kasdi, 2016). Maqasid Syariah terdiri daripada dua perkataan, iaitu Maqasid dan Syariah. Maqasid bererti tujuan, objektif, prinsip dan matlamat (Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali, 2021). Dari sudut bahasa maqasid merupakan perkataan qasda yang berasal dari bahasa Arab yang bermaksud menuju, arah, jalan lurus, memecahkan, pegangan, punca, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan (Norashikin Ahmad, 2020). Manakala, perkataan syariah berasal daripada perkataan syara'a dan dari sudut istilah bermaksud syariah, iaitu perundangan-perundangan yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Rasulullah SAW untuk seluruh umat manusia dalam pelbagai bentuk, seperti ibadat, akhlak, makanan, minuman, pakaian dan Muamalah (Norashikin Ahmad, 2020).

Dalam Maqasid Syariah pembahagian al-Dharuriyat terbahagi kepada lima prinsip, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Al-Dharuriyat adalah masalah yang menjadi keperluan asas kepada kehidupan manusia, sekiranya masalah tidak dipelihara maka kehidupan manusia akan rosak sama ada di dunia mahupun akhirat. Kesemua prinsip al-Dharuriyat ini diaplikasikan dalam menganalisis plot novel Sejarah Islam *Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam* (2010) karya Abdul Latip Talib.

Bagi prinsip pertama, memelihara agama bermakna mengelakkan pelanggaran dan memusnahkan asas agama, termasuk mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai agama tertinggi. Agama Islam merupakan asas yang terpenting dalam kehidupan seorang muslim. Menurut Abu Ishaq Al-Syatibi Hifz, *al-Din* (agama) pemeliharaan akidah umat Islam adalah perkara yang perlu diberi keutamaan agar ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW menjadi asas utama kehidupan serta ketaatan kepada pemimpin juga turut dititikberatkan serta penjagaan agama membawa maksud melaksanakan rukun dan hukum agama dalam kehidupan (Mohd Izzuddin Mohd Noor dan Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2021).

Prinsip kedua pula menyatakan bahawa maksud bagi *hifz al-nafs* (nyawa) ialah melalui aspek seperti pemeliharaan maruah, persaudaraan, kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup, peningkatan rohani dan moral, keamanan, kebebasan, mengurangkan kemiskinan dan pengagihan secara saksama (Chapra, 2008 dlm. Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali, 2021). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021) pula menyatakan bahawa pemerintah mempunyai tanggungjawab sosial untuk mengelakkan pertumpahan darah dengan jalan yang tidak benar dan perlu menganggap nyawa adalah amanah daripada Allah SWT. Justeru, menjaga nyawa penting bagi memastikan manusia dapat meneruskan kehidupan dan negara terhindar dari menghadapi kemusnahan.

Seterusnya, pemeliharaan akal bermaksud memberi perlindungan kepada akal manusia dari perkara-perkara yang akan merosakkan akal fikiran. Akal adalah anugerah terpenting pemberian oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakan taraf manusia dengan haiwan khususnya, maka akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai murni dan ilmu yang bermanfaat. Sistem pendidikan yang bersepadu dan holistik bagi setiap rakyat merupakan asas kepada pembinaan umat manusia yang bertamadun dan maju. Selaras dengan kepesatan teknologi dunia, keperluan untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat juga penting bagi menyumbang pembangunan negara, bangsa dan manusia yang tinggi adab dan ilmunya.

Prinsip bagi memelihara keturunan pula melibatkan perlindungan dan pemeliharaan. Menurut Abdul Karim Zaidan (1996), penjagaan keturunan berlaku melalui hubungan jalinan perkahwinan yang telah ditetapkan oleh hukum-hakam syarak (Mohd Izzuddin Mohd Noor & Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2021). Memelihara keturunan adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat dan produktif. Aspek ini wajib dipelihara demi menjaga struktur sosial dalam masyarakat, apabila keturunan telah rosak dengan sebab menyalahi agama dan *tabi'i* manusia seperti penzinaan, liwat, hubungan sejenis dan sebagainya maka struktur sosial akan menjadi kacau bilau dan akhirnya akan runtuh jalur keturunan yang suci serta merosakkan maruah agama, bangsa dan negara.

Seterusnya, prinsip memelihara harta pula bermakna melindungi harta kekayaan daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah dan ini termasuk larangan terhadap ketidakadilan dan menafikan hak. Menurut Al-Wardi (2006, dlm. Mohd Izzuddin Mohd Noor & Fatimah Nadirah Mohd Noor, 2021), penjagaan harta turut melibatkan perkara seperti mendapatkan dan membelanjakan harta dari sebarang dosa seperti riba, judi dan penipuan. Pemerintah juga wajib untuk memelihara dan mengharamkan segala bentuk penindasan seperti penipuan, rasuah, penyelewengan dan perkara-perkara yang menzalimi rakyatnya.

Analisis Kajian Struktur Plot Novel Sejarah Islam *Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam* (2010) Melalui Pendekatan Maqasid Syariah

Permulaan

Naratif teks ini bermula dengan berita kehamilan Hantamah binti Hisyam, iaitu isteri kepada Al-Khattab bin Nufail Al-Mahzumi. Al-Khattab menyambut berita gembira tersebut dengan menyembelih 10 ekor unta untuk dibahagi-bahagikan daging unta tersebut kepada fakir miskin di kota Mekah dengan harapan bayi yang dikandung isterinya itu bayi lelaki. Pada ketika itu kelahiran bayi perempuan dianggap sebagai pembawa malang kepada keluarga sehingga ada yang sanggup membunuh bayi-bayi perempuan mereka. Walau bagaimanapun, Hantamah

berpendapat sebaliknya, bayi perempuan juga sama penting, iaitu bagi melahirkan generasi bangsa Arab yang seterusnya. Justeru itu, tidak kira sama ada perempuan atau lelaki, Hantamah bertekad untuk menjaga dan menyayangi bayi yang bakal dilahirkannya kelak.

Hari berganti minggu dan minggu berganti bulan, tibalah masa Hantamah untuk melahirkan kandungannya. Al-Khattab telah membuat persiapan awal, dengan menempah khidmat seorang bidan yang berpengalaman di kota Mekah bagi menyambut kelahiran anak pertama mereka. Semasa proses melahirkan, Hamtamah mengalami kesukaran dan komplikasi yang menyebabkan Umar Al-Khattab menjadi gelisah dan akhirnya melepaskan amarahnya kepada bidan tersebut sehingga mengelarnya sebagai perempuan tua. Perkara itu telah didengari oleh Abu Talib, ketua Bani Hasyim lalu segera menegur Al-Khattab atas sikapnya yang tidak menghormati perempuan yang membantu menyambut kelahiran cahaya mata pertamanya.

Kehadiran Abu Talib di situ telah memberanikan bidan tersebut untuk menyampaikan pandangannya. Bidan itu percaya bahawa Hantamah sukar melahirkan disebabkan dosa-dosa yang pernah dilakukan oleh Al-Khattab sebelum ini, maka beliau harus ke Kaabah untuk memohon keampunan daripada Tuhan.

Hantamah akhirnya selamat melahirkan cahaya matanya yang pertama dan bayi tersebut diberikan nama Umar. Umar dididik dengan sifat tegas agar kelak dia menjadi seorang yang berguna di masa hadapan. Tidak seperti kanak-kanak lain sebayanya yang girang bermain, Umar lebih memilih untuk menuruti arahan bapanya untuk mengembala kambing dan unta. Umar telah diterapkan dengan nilai tanggungjawab, kasih sayang dan bersemangat tinggi bagi memastikan ternakannya selamat dan mendapatkan makanan yang mencukupi di bawah jagaannya. Tujuan bapanya berbuat demikian adalah untuk menjadikan anaknya seorang pemimpin yang mempunyai nilai terpuji bagi memastikan orang bawahannya terjaga. Meskipun Al-Khattab sedar bahawa Umar tidak mempunyai minat dalam bidang penternakan, namun begitu didikan ini adalah untuk membentuk Umar menjadi seorang yang penyabar, berani dan tahan lasak bagi melayakkan diri untuk menjadi seorang pahlawan yang berjiwa waja.

Melalui prinsip al-Daruriyat dalam Maqasid Syariah, ciri-ciri kepimpinan telah dipupuk dalam pembinaan jati diri khalifah Umar dari kecil melalui pemeliharaan akal. Prinsip ini meletakkan kepentingan dalam memupuk dan mempraktikkan ilmu dan nilai-nilai murni yang bermanfaat dalam kehidupan serta menjauhi perkara yang boleh merosakkan akal fikiran. Islam mementingkan pembentukan manusia yang berteraskan sifat insaniah yang baik agar ilmu pengetahuan yang disampaikan diperolehi orang bawahannya. Akal yang diselubungi dengan perkara yang tidak baik hanya akan mengakibatkan lahirnya generasi yang melakukan kerosakan (Hasbollah Mat Saad & Rajamanickam, 2021). Berdasarkan plot peringkat permulaan ini, Al-Khattab, iaitu bapa kepada khalifah Umar telah ditegur oleh ketua Bani Hasyim untuk menggunakan bahasa yang baik kepada bidan perempuan yang membantu Hantamah melahirkan cahaya mata pertamanya. Bahasa yang baik mencerminkan kesopanan, keperibadian, kebijaksanaan dan akal pemikiran seseorang. Didikan awal daripada ibu bapa dan keluarga merupakan asas penting dalam membentuk keperibadian yang mulia serta akal pemikiran yang bijaksana. Khalifah Umar juga dididik dengan didikan dan kepimpinan tegas daripada bapanya seorang pembesar kaum Quraisy dari Bani Adi bagi membentuk ciri-ciri pemimpin masyarakat keturunan Arab. Hikmah menjadi pengembala kambing dan unta juga adalah untuk melatih disiplin, jiwa yang kental dan akal fikiran yang baik bagi membentuk seorang khalifah yang mempunyai kebernasan fikiran dan mental yang sihat di masa hadapan.

Dalam plot permulaan ini juga turut memperlihatkan aspek kepimpinan melalui prinsip pemeliharaan keturunan. Menurut Ayu Nor Azilah *et al.* (2018) maruah diri dan memelihara kehormatan keturunan boleh dikawal melalui sistem perkahwinan untuk menjamin keturunan zuriat yang baik. Zuriat merupakan salah satu anugerah yang perlu dilindungi untuk membentuk keturunan pewaris yang akan memimpin negara kelak. Azizi Yahaya dan Nam (2010) pula menyatakan bahawa ibu dan bapa merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi anak-anak. Memberi didikan yang sempurna sejak kecil boleh menjamin kejayaan anak-anak di masa hadapan agar tidak terjerumus kepada perkara atau perbuatan yang negatif. Selain ayah, ibu juga merupakan pemimpin dalam menjaga keselamatan serta mendidik anak-anak (Hanaa Aliifah Puteri, 2018). Jika seorang ibu tidak memainkan peranannya sebagai pendidik, maka akan musnah sebuah negara jika tiadanya didikan yang kukuh dalam diri pemimpin yang akan datang. Dalam plot permulaan menceritakan Hantamah sebagai ibu kepada Umar telah bertekad untuk menjaga keselamatan kandungannya walaupun dirinya tidak mengetahui samada cahaya mata yang bakal lahir itu nanti adalah lelaki ataupun perempuan. Hantamah juga telah memberikan kasih sayang sepenuhnya, menjaga makan minum, memberi pendidikan serta memberi perlindungan kepada anaknya agar menjadi seorang insan yang berguna.

Aksi Meningkat

Perkembangan plot bermula dengan peristiwa Umar Al-Khattab memeluk Islam. Nabi Muhammad SAW pada ketika itu sudah mula menyebarkan Islam secara terang-terangan dan telah dianggap sebagai memecahbelahkan kaum Quraisy dengan membawa agama baru. Amir bin Rabiah adalah salah seorang penduduk kampung Bani Adi yang mengambil keputusan untuk memeluk Islam kerana tidak ingin lagi mendapat siksaan, gangguan dan tindakan kasar dari Umar terhadap diri dan keluarganya. Mereka sekeluarga meninggalkan Bani Adi setelah mendapat kebenaran dari Rasulullah SAW untuk berhijrah ke Habsyah. Perkara ini membuatkan Umar menjadi marah kerana ramai kaum Quraisy telah memeluk Islam dan dipindahkan ke Habsyah.

Umar Al-Khattab kemudiaannya telah ke Masjidil Haram, iaitu tempat berkumpul pembesar-pembesar kaum Quraisy. Melihat kedatangan Umar, Abu Jahal mula memasang strategi jahat dengan menugaskan Umar dengan tugas penting, iaitu membunuh Rasulullah SAW. Umar yang masih diselubungi perasaan marah, bersetuju menerima arahan tersebut lalu bergegas pulang ke rumah untuk bersiap sedia memakai pakaian perangnya.

Sebaik sahaja keluar dari rumah tersebut bersama sebilah pedang di tangannya, beliau segera mengatur langkah menuju ke Bukit Safa. Dalam perjalanan, beliau berselisih dengan Naim bin Abdullah, lalu menyatakan hasrat kepada Naim bahawa dia sedang dalam misinya untuk membunuh Rasulullah SAW. Naim membalas kata-kata Umar dengan menyatakan bahawa dia sanggup mengorbankan nyawa demi keselamatan nabi dan tidak mungkin Umar mampu melawan dengan 40 orang lelaki yang gagah yang akan bersama-samanya mempertahankan keselamatan nabi, antaranya adalah Hamzah Abdul Motalib, Ali bin Ali Talib, Abu Bakar dan Abu Ubaidah. Mendengarkan kata-kata itu membuatkan Umar Al-Khattab berpatah semula untuk mendapatkan bantuan daripada kaum Bani Adi.

Dalam masa yang sama Umar Al-Khattab mendapat khabar bahawa adiknya Fatimah dan suaminya Said bin Zaid telah menjadi pengikut Rasulullah SAW. Hal tersebut membuatkan perasaan marah Umar semakin membuak-buak, lalu dia pergi mendatangi mereka. Sebaik sahaja sampai di hadapan rumah, Umar mengetuk pintu dengan keras dan terdengar bacaan

ayat-ayat suci Al-Quran dari Ibnu Al-Khabbab serta sahabatnya. Umar mengancam untuk memecah masuk sekiranya pintu tidak dibuka. Mendengar teriakan abangnya, Fatimah menyuruh mereka segera bersembunyi di dalam bilik dan suaminya Said tampil ke hadapan membuka pintu.

Umar terus menerpa masuk ke dalam rumah dan terlihat lembaran suci di tangan adiknya, Fatimah. Umar cuba merampas lembaran tersebut untuk membacanya tetapi dihalang Fatimah. Menurut Fatimah lembaran itu mengandungi ayat suci al-Quran dan hanya boleh disentuh oleh orang-orang suci. Fatimah meminta abangnya untuk membersihkan diri dan berwudhuk. Selepas selesai membersihkan diri, Umar duduk bersimpuh di atas lantai lalu membaca lembaran yang mengandungi surah Taha. Keagungan ayat-ayat suci tersebut telah menggoncang dadanya dan merasakan jiwanya telah diresapi hidayah Allah. Hatinya meronta untuk berjumpa dengan Rasulullah SAW bagi mendapatkan penjelasan

Kemunculan Umar Al-Khattab di pintu rumah mengejutkan para sahabat termasuklah Hamzah bin Abdul Mutalib. Mereka menyangka Umar cuba menyakiti Rasulullah SAW, walau bagaimanapun apa yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu Umar telah memeluk tubuh nabi lantas mengakui keislamannya.

Dalam perkembangan plot ini, prinsip al-Daruriyat pemeliharaan agama telah diangkat. Agama Islam menjadi teras kepada tamadun Islam yang mana penyerahan diri secara total kepada yang Maha Pencipta, iaitu Allah SWT dan haruslah mengikut perintahNya serta menjadikan Rasulullah SAW sebagai panduan terbaik (Ayu Nor Azilah *et al.*, 2018). Sumber utama ajaran Islam adalah al-Quran dan keseluruhan teksnya tidak boleh diubah. Selain itu, agama Islam juga mendidik agar menghormati hak asasi setiap manusia tanpa membezakan keturunan, agama dan bangsa. Oleh itu, Islam mengutamakan konsep musyawarah, keadilan dan pemilihan pemimpin secara adil.

Klimaks

Peringkat kemuncak dalam novel bermula apabila Rasulullah SAW berhijrah dari Mekah ke Madinah bersama para sahabat. Abu Bakar as-Siddiq menyatakan kepada Umar Al-Khattab bahawa Rasulullah SAW sudah mengetahui berita mengenai kafilah Quraisy dari Syam sedang dalam perjalanan pulang ke Mekah. Namun begitu, tidak ramai yang mendaftarkan diri bagi membantu baginda dalam menyekat perjalanan kafilah Quraisy tersebut. Jika Rasulullah SAW mengeluarkan perintah, nescaya semua penduduk Madinah ingin menyertainya. Umar menyatakan bahawa Rasulullah SAW tidak mahu memaksa umatnya kerana baginda menginginkan seseorang yang ikhlas membantunya. Tiba-tiba, Umair bin Abi Waqas dan Abdullah bin Ubay datang mencelah menyatakan bahawa mereka ingin menyertai pasukan Rasulullah SAW. Namun begitu, mereka mempunyai perancangan lain, iaitu ingin mengaut harta rampasan perang musuh. Perkara tersebut membuatkan Umar Al-Khattab dan Abu Bakar berasa kurang senang kerana niat Rasulullah SAW bukanlah untuk merompak tetapi membela nasib penduduk kampung di pinggir Madinah.

Sebagai persediaan peperangan, baginda telah mengutuskan Talhah bin Ubaidah dan Said bin Zaid untuk mengumpul maklumat tentang kabilah Abu Sufian. Peperangan ini merupakan rentetan daripada peristiwa umat Islam yang diusir dari Mekah dan terpaksa meninggalkan semua harta mereka dan kemudiannya harta tersebut telah dirampas oleh kaum Quraisy. Maka dengan itu, Rasulullah SAW mengatur strategi untuk merampas harta yang dibawa kafilah Quraisy sebagai ganti.

Keesokan harinya, Nabi Muhammad SAW keluar bersama 317 pengikutnya yang terdiri daripada 86 orang kaum Muhajirin, 61 orang kaum Aus dan 170 orang Khazraj. Seramai 70 orang menaiki unta, dua orang yang menunggang kuda dan selebihnya berjalan kaki. Perkara ini disampaikan oleh Dhamdham bin Amer al-Ghifari yang bertugas menjaga benteng pertahanan kafilah Quraisy dan telah membuatkan Abu Sufian menjadi gusar dan bimbang sekiranya barang dagangan dan peralatan senjata yang dibawa dari Syam dirampas oleh Nabi Muhammad SAW. Tanpa melengahkan masa, Dhamdham bin Amer segera menunggang kudanya ke kota Mekah untuk meminta bantuan pada penduduk selepas diperintah oleh Abu Sufian. Sebagai satu helah untuk menarik perhatian penduduk, Dhamdam mengoyakkan baju serta mencederakan untanya lalu menyatakan bahawa barang dagangan telah dirampas oleh Rasulullah dan para pengikutnya. Perkhabaran itu telah mencetuskan kemarahan penduduk Mekah dan merangsang keinginan mereka untuk berperang setelah melihat keadaan Dhamdham yang berpakaian koyak-rabak serta berlumuran darah.

Dalam masa yang singkat, terbentuklah sebuah angkatan perang Quraisy seramai 950 orang manakala seramai 200 orang menunggang kuda dan mengenderai unta. Selain itu, angkatan perang itu disertai 50 kaum wanita yang bertindak sebagai pembakar semangat seperti menyanyi dan memukul gendang bagi menaikkan semangat kaum lelaki. Dalam perjalanan ke Badar, mereka bertemu dengan seorang penduduk kampung bernama Majdi bin Amr lalu menanyakan jika melihat Rasulullah SAW dan pengikutnya. Majdi menyatakan tidak melihat sesiapa kecuali dua orang lelaki sedang mengambil air di sebuah lembah yang terdapat mata air. Abu Sufian segera ke tempat yang dituju lalu ternampak dua biji kurma dan meyakini bahawa itu adalah bekas makanan pengikut baginda. Tanpa membuang masa Abu Sufian kembali kepada kafilahnya lalu mengajak mereka supaya segera meninggalkan tempat itu menggunakan laluan pantai kerana yakin bahawa baginda tidak akan menggunakan jalan tersebut. Apabila tiba di Badar, mereka disambut dengan gembira oleh keluarga masing-masing tetapi Abu Sufian berasa hairan kerana yang menyambut mereka cuma kaum perempuan dan kanak-kanak sahaja. Isteri kepada Abu Sufian menyatakan bahawa kaum lelaki sudah keluar untuk menyelamatkan kumpulan Abu Sufian yang diketuai oleh Abu Jahal. Sedar bahawa mereka terancam bahaya, Abu Sufian sekali lagi mengutuskan Dhamdham bagi memberitahu Abu Jahal yang mereka sudah tiba di Mekah dan harus pulang dengan segera. Akan tetapi, Abu Jahal tetap berkeras menyatakan bahawa rombongannya tidak akan beranjak selagi belum sampai ke Badar.

Pada masa yang sama, Rasulullah SAW mendapat berita bahawa kafilah Quraisy yang diketuai Abu Sufian dapat melepaskan diri dan selamat sampai di Mekah. Manakala, berita kedua pula angkatan perang Quraisy yang dipimpin Abu Jahal sedang menuju ke Badar. Selepas berbincang bersama para sahabat, baginda mengambil keputusan untuk terus berada di Badar lalu menyuruh Ali bin Abi Talib, Zubair bin Awwam dan Saad bin Abi Waqas mengintip pergerakan musuh. Sedang mereka menjalankan tugas itu, Ali bin Abi Talib ternampak dua budak lelaki sedang memerhati yakni mereka berdua adalah pengintip tentera Quraisy. Mereka pun segera ditangkap lalu dibawa menghadap Rasulullah SAW. Hasil penyiasatan daripada kedua-dua budak tersebut, jumlah musuh serta senjata yang digunakan telah diketahui. Keesokan harinya, berlakulah pertempuran antara pasukan yang dipimpin Rasulullah SAW dengan pasukan Abu Jahal.

Kajian mendapati kemuncak plot telah mengangkat aspek kepemimpinan al-Daruriyat Maqasid Syariah melalui pemeliharaan harta. Dalam membina kemapanan ekonomi, menjaga harta menjadi antara kemaslahatan terpenting. Tanpanya manusia tidak dapat meneruskan kehidupan

kerana dengan harta, manusia dapat memenuhi kepentingan hidup. Oleh hal demikian, Islam telah menetapkan undang-undang mengenai hak untuk memiliki harta benda dan kewajiban untuk mempertahankannya. Rasulullah SAW telah merangka strategi untuk mendapatkan semula harta rampasan perang yang telah diambil oleh pihak kaum Quraisy. Hal ini adalah bertujuan untuk membela nasib dan mendapatkan semula hak umat Islam.

Aksi Menurun

Pada bahagian peleraian, naratif bermula dengan menceritakan keadaan Baitul Muqaddis yang telah ditawan. Kota Damsyik yang tersergam indah berjaya ditakluk oleh pahlawan-pahlawan Islam. Tanahnya yang subur itu menampang jasad-jasad mereka yang syahid. Ramai penduduk Damsyik yang mendapat hidayah lalu memeluk Islam termasuk raja Ghassan, iaitu Raja Jabalah Aiham VI. Raja kepada kota Damsyik ini, menyatakan hasratnya kepada panglima Abu Ubaidah al-Jarrah untuk bertemu Khalifah Umar Al-Khattab di Madinah. Kemudian, berangkat ke Mekah bagi mengerjakan ibadah umrah.

Keberangkatan Raja Jabalah Aiham bersama-sama keluarga dan pengiringnya ke Madinah dipenuhi kemahsyuran lengkap dengan memakai alat kebesaran keluarga diraja. Raja Jabalah Aiham memakai mahkota yang bertatahkan zamrud dan permata. Angkatan keluarga diraja memakai pakaian yang indah dan penuh kemewahan, manakala para pengiringnya pula memakai pakaian sutera yang berwarna-warni. Kuda dan unta juga dihiasi kalung emas dan perak. Apabila mereka memasuki kota Madinah, mereka terus menuju ke Masjid Nabi. Di dalam masjid, Raja Jabalah Aiham bertanyakan keberadaan Khalifah Umar Al-Khattab lalu disahut oleh Hassan bin Thabit dan menunjuk ke arah Umar Al-Khattab. Raja Jabalah Aiham VI tidak percaya bahawa lelaki yang ditunjukkan itu adalah pemimpin umat Islam kerana pakaiannya seperti pakaian orang di sekelilingnya. Umar Al-Khattab duduk di atas lantai masjid sama seperti pengikutnya yang lain. Umar Al-Khattab dan Raja Jabalah Aiham VI kemudiannya saling memperkenalkan diri.

Setelah beberapa ketika, Umar Al-Khattab menanyakan kepada raja keadaan kota Damsyik selepas diperintah oleh Abu Ubaidah al-Jarrah. Raja mengatakan bahawa tentera Islam memberikan layanan yang baik kepada rakyat Damsyik dan mereka diberi kebebasan mencari rezeki serta mengamalkan agama masing-masing namun ada sesuatu yang tidak menyenangkan bagi penganut agama Kristian. Di Damsyik ada 14 buah gereja besar tujuh daripadanya dijadikan masjid oleh Abu Ubaidah al-Jarrah. Gereja Yohana yang menjadi kebanggaan penganut kristian di Damsyik di bahagi dua. Umar Al-Khattab menyatakan bahawa tindakan yang dilakukan oleh Abu Ubaidah al-Jarrah dirujuk terlebih dahulu kepadanya. Mengenai tindakannya menjadikan gereja sebagai masjid itu sudah dipersetujuinya oleh para paderi Kristian. Maka kerana itu, orang Islam dan bukan Islam boleh beramal ibadat tanpa berlaku pergaduhan. Raja Jabalah Aiham tertunduk malu dengan kewibawaan Khalifah Umar Al-Khattab. Khalifah Umar Al-Khattab yakin bahawa pelantikan Abu Ubaidah al-Jarrah sebagai pemimpin tentera Islam adalah yang terbaik kerana tidak menyalahgunakan kuasa.

Dalam aksi menurun ini, naratif plot mengangkat aspek kepimpinan al-Daruriyat Maqasid Syariah melalui pemeliharaan nyawa. Maksud pemeliharaan nyawa di sini ialah melalui aspek seperti pemeliharaan maruah, persaudaraan, kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup, peningkatan rohani dan moral, keamanan, kebebasan, mengurangkan kemiskinan dan pengagihan secara saksama. Kesemua aspek ini yang diaplikasikan dalam kepimpinan Khalifah Umar Al-Khattab dan dibantu oleh Abu Ubaidah al-Jarrah semasa mentadbir kota Damsyik, Baitul Muqaddis. Justeru itu, penduduk di kota Damsyik menjalani kehidupan yang aman

harmoni walaupun berbilang bangsa dan berbeza agama. Sebagai khalifah di muka bumi Allah SWT, Khalifah Umar Al-Khattab telah menghindari segala keburukan dan kemungkaran dalam mencari kemaslahatan bagi meraih keredhaan dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.

Peleraian

Pada bahagian peleraian, plot naratif menceritakan rutin pagi Umar Al-Khattab untuk berada di Masjid Nabi, iaitu sebelum azan subuh dilaungkan lagi bagi mengerjakan solat subuh secara berjemaah. Selepas sahaja azan dilaungkan, orang ramai memenuhi masjid dan beliau tampil ke hadapan menjadi imam. Di belakangnya, di barisan hadapan berdiri Abu Lukluah, di sebelah kanannya pula ialah Hurmuzan manakala di sebelah kirinya pula berdiri Jafina. Ketika Umar Al-Khattab mengangkat takbiratul ihram, dengan pantas Abu Lukluah mengeluarkan pisau lalu menikam sebanyak tiga kali di belakang dan perut beliau. Kejadian itu berlaku begitu pantas sehingga orang ramai tergamam dan tidak sempat menghalangnya. Ketika itu Abu Lukluah cuba melarikan diri tetapi orang ramai bertindak menangkapnya. Abu Lukluah seperti orang kehilangan akal menikam sesiapa sahaja yang cuba menangkapnya. Seorang demi seorang ditikamnya sehingga tujuh orang terbunuh dan 13 lagi cedera. Abu Lukluah hampir berjaya ditangkap tetapi tiba-tiba Hurmuzan dan Jafina menghunus senjata lalu membunuhnya. Kemudian, Abdul Rahman bin Auf segera mendapatkan Umar Al-Khattab yang terbaring berlumuran darah. Namun, Umar menyatakan kepada Abdul Rahman bin Auf agar jangan menghiraukan dirinya dan teruskan solat kerana itu lebih penting diselesaikan. Abdul Rahman bin Auf segera mengimami solat subuh tersebut. Setelah selesai, barulah mereka mendapatkan semula Khalifah Umar Al-Khattab yang baru sedar dari pengsanannya. Beliau menyatakan bahawa tidak ada keuzuran bagi lelaki untuk mendirikan solat. Beliau meminta supaya lukanya dibalut bagi membolehkan dia mengambil wuduk dan mengerjakan solat subuh. Selesai menunaikan solat beliau kelihatan tidak berdaya lagi, beliau dipapah oleh Abdul Rahman bin Auf dan Ibnu Abbas lalu dibawa pulang ke rumahnya.

Keadaan khalifah Umar Al-Khattab semakin parah. Seorang tabib dipanggil bagi mengubati lukanya, akan tetapi, tabib itu tidak mampu memulihkannya akibat kecederaanya yang teruk. Kemudian, beliau meminta segelas susu kerana berasa dahaga. Apabila diminum, susu itu keluar dari bekas luka di perutnya. Tahulah mereka bahawa beliau tidak dapat diselamatkan lagi. Orang ramai yang turut berada di situ menangis teresak-esak. Beliau dapat merasakan kematiannya itu semakin menghampiri dan meminta untuk disemadikan berhampiran dengan makam Rasulullah SAW. Kemudian, dia menamakan enam orang sebagai penggantinya. Mereka ialah Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Talhah bin Ubaidullah, Zubir bin Awam, Abdul Rahman bin Auf dan Sa'ad bin Abi Waqas. Beliau juga melantik 10 orang ahli Syura yang bertugas memilih calon yang paling layak. Selepas bersidang mereka sebulat suara menamakan Uthman bin Affan sebagainya pengganti.

Pada pagi hari Ahad 27 Zulhijjah tahun 23 Hijrah, Khalifah Umar Al-Khattab menghembuskan nafasnya yang terakhir di usia 63 tahun. Khalifah Umar Al-Khattab memerintah selama 10 tahun 6 bulan. Selama pemerintahannya, rakyat berasa selamat kerana kerajaan Islam semakin kuat dan mengorak langkah dengan cemerlang. Kerajaan Rom dan Parsi yang selama ini digeruni sebagai kuasa dunia turut berjaya dikalahkan semasa pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab. Syria, Damsyik, Mesir, Palestin, Iraq dan Baitul Muqaddis juga berjaya ditakluki. Di samping kekuatan tentera, Khalifah Umar Al-Khattab juga menumpukan kepada pembangunan negara serta memajukan kehidupan rakyat. Undang-undang syariah dilaksanakan sehingga rakyat berasa selamat di bawah pemerintahan Islam. Bagi menjaga keselamatan orang ramai, pasukan polis telah ditubuhkan serta markas tentera diberikan bantuan. Selain itu, mereka yang

miskin diberikan bantuan dan sekolah bagi mendidik serta memberi pelajaran kepada kanak-kanak. Khalifah Umar Al-Khattab berjaya menubuhkan negara Islam yang moden.

Oleh hal demikian, Al-daruriyat Maqasid Syariah dalam pengakhiran novel Sejarah Islam *Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam* (2010) telah mengangkat aspek kepemimpinan melalui pemeliharaan agama. Agama Islam merupakan asas yang terpenting dalam kehidupan seorang Muslim. Menurut Mohd Izzuddin Mohd Noor dan Fatimah Nadirah Mohd Noor (2021), penjagaan agama membawa maksud melaksanakan rukun dan hukum agama dalam kehidupan. Pemeliharaan agama adalah perkara yang perlu diberi keutamaan agar ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW menjadi perkara asas kehidupan. Umar Al-Khattab sebagai seorang khalifah telah menunjukkan contoh kepada rakyat dan para sahabat untuk mengutamakan ibadah walau apa jua keadaan. Disaat nafasnya dihujung nyawa beliau masih melaksanakan solat kerana solat adalah tuntutan Allah SWT kepada manusia. Apabila meninggalkan solat, umpama seseorang itu tidak mahu berusaha membina agamanya dengan sempurna (Mohd Rizal Azman Rifin, 2019). Ketegasan Umar Al-Khattab dalam memelihara agamanya juga ditunjukkan melalui pelaksanaan, pembaharuan dan penambahbaikan pelbagai aspek pentadbiran dan sosial di bawah kepemimpinannya. Natijahnya, keunggulan Khalifah Umar Al-Khattab memerintah kerajaan Islam dengan mengangkat prinsip pemeliharaan agama, telah dirasai hikmahnya oleh penduduk Madinah dan masyarakat di seluruh wilayah Islam di bawah jajahannya yang begitu luas dan berjaya membawa Islam ke zaman keemasan.

Kesimpulan

Sorotan kajian lepas mengenai pengaplikasian pendekatan Maqasid Syariah dalam pelbagai bidang seperti perundangan, pentadbiran, keagamaan dan pendidikan telah membuktikan bahawa Maqasid Syariah sesuai digunakan sepanjang zaman dan boleh diaplikasikan dalam semua bidang (Rabiatu Adawiah *et al.*, 2019). Kajian yang dijalankan ini juga turut mengaplikasikan pendekatan Maqasid Syariah bagi menganalisis struktur plot novel Sejarah Islam *Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam* (2010). Melalui dapatan analisis, novel ini telah memaparkan aspek kepemimpinan melalui watak-watak dan peristiwa dari segi politik, ekonomi dan sosial yang menepati prinsip al-Dharuriyat dalam Maqasid Syariah, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pendekatan Maqasid Syariah merupakan suatu manifestasi atau kaedah oleh seseorang pemimpin atau khalifah mentadbir negara bagi menjaga kemaslahatan dan mencegah dari sebarang kemudaratkan kepada rakyatnya. Antara aspek kepemimpinan yang diangkat dalam novel tersebut adalah memastikan pemimpin mematuhi hukum hakam Allah SWT serta berlandaskan al-Quran, al-Hadis dan sunnah Rasulullah SAW. Membangunkan negara berlandaskan pencirian Maqasid Syariah ini dapat menjamin kesejahteraan sebuah negara dan kemaslahatan kepada semua manusia tidak kira agama dan bangsa (Nur Mohammad Hadi Zahalan, 2019). Maqasid Syariah juga merupakan aspek utama mendorong sebuah kepemimpinan lebih bertanggungjawab dalam menjalankan amanah yang telah diberikan sebagai seorang mukmin. Sifat kepemimpinan yang dipaparkan oleh watak-watak dalam novel tersebut boleh dijadikan teladan kepada umat Islam agar menjadi pemimpin yang disegani dan taat akan perintah Allah SWT.

Rujukan

- Abdul Hakim Abdullah, Mohd Taufiq Abd. Talib & Azhaar Yaacoob. (2015). Kupasan lanjut terhadap konsep dan peranan pendekatan sastera Islam moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 170-180. <http://dx.doi.org/10.37231/jimk.2015.9.0.89>
- Abdul Karim Zaidan. (1996). *Pengantar studi syariah: Mengenal syariah Islam lebih dalam*. Terj. M. Misbah. Robbani Press.
- Abdul Latip Talib. (2008). *Novel sejarah Islam Umar Al-Khattab: Reformis dunia Islam*. PTS Litera Sdn.Bhd.
- Abdurrahman Kasdi. (2014). Maqasid Syariah perspektif pemikiran Imam Syatibidalam kitab Al-Muwafaqat. *Jurnal Pemikiran Hukum dan Hukum Islam*, 5(1), 47-62. <https://journal.iainkudus.ac.id/index.php/Yudisia/article/download/693/682>
- Afaz. (20 April 2015). *Abdul Latip Talib*. Scribd. <https://www.scribd.com/doc/262400114/Abdul-Latip-Talib>
- Ahmad Iqbal Mohd Fadzli, Muhammad Amirul Muhammad Sam, Mahuyuddin Mawi, Wan Mohd Yusof Wan Chik & Farah Syazrah Mohd Ghazali. (2020). *Maqasid Syariah dan pendidikan kenegaraan analisis terhadap gurindam Dua Belas Mahakarya Raja Ali Haji*. [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Sultan Zainal Abidin. <https://www.academia.edu/50905655/>
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Falsafah pemikiran sastera Islam. *Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Keislaman*, 5(1), 165-180. <http://dx.doi.org/10.24952/fitrah.v5i1.1365>
- Ahmad Nabil Amir & Tasnim Abdul Rahman. (2020). Perkembangan pemikiransastera Islam di alam Melayu. *Jurnal 'Ulwan*, 5(1), 155-168. <https://www.academia.edu/44494875/>
- Amal Aqilah Ismail & Nursafira Ahmad Safian. (2019). Konsep sastera Islam oleh Kemala dan Al-Nadwi: Satu Perbandingan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 19(1), 464-472. [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/special3/jsass_khas03_019_amalakilah.p df](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/special3/jsass_khas03_019_amalakilah.pdf)
- Aqtar Mohamed Ummar. (2019). *Maqasid asy-Syariah sebagai landasan dalam pembinaan hukum* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan].
- Open University Malaysia. <https://www.academia.edu/41361076/>
- Asma Mohd Yusof & Nursafira Ahmad Safian. (2019). Konsep sastera Islam oleh Muhammad Qutb dan Muhammad Uthman El-Muhammady: Satu perbandingan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 19(1), 475-490. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/special3/jsass_khas03_020_asma.pdf
- Ayu Nor Azilah, Mohammad Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin. (2018). Peranan Maqasid Syariah dalam memelihara kedudukan agama Islam di Malaysia. *Journal of Islamic Studies*, 2(1), 35-46. <https://doi.org/10.30983/it.v2i1.741>
- Azizi Yahaya & Nam, G. L. (2010). *Peranan ibu bapa* [Tesis sarjana yang tidakditerbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia. http://eprints.utm.my/id/eprint/10373/1/28.9_Peranan_Ibu_Bapa.pdf
- Gibb, H. A. R. (1960). *The encyclopaedia of Islam*. Laiden E. J. Brill.
- Ghofar Shidiq. (2009). *Teori Maqashid al-Syariah dalam hukum Islam* [Tesis sarjanayang tidak diterbitkan]. Universiti Sultan Islam Agung. <https://media.neliti.com/media/publications/220106-none.pdf>
- Hanaa Aliifah Puteri. (20 Ogos 2021). *Ibu sebagai pemimpin*. Leaderonomics.com. <https://www.leaderonomics.com/id/articles/kepemimpinan/ibu-sebagai-pemimpin>
- Hannah Muniz. (2019). What is the plot of a story? <https://www.goodreads.com/author/show/21777513.HannahMuniz>
- Hasbollah Mat Saad & Rajamanickam, R. (2021). *Maqasid Syariah memelihara akal (Hifz al-Aql) dan hubungannya dengan falsafah pendidikan kebangsaan*. <http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-43IK-08>

- Hashim Ismail. (2007). Sejarah penulisan novel di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18(1), 24-40. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9720>
- Hasri Harun & Hasliza Mohammad Ali. (2021). *Konsep Hifz An-Nafs (Pemeliharaan nyawa) berdasarkan Maqasid Shariah dalam menghadapi pandemik Covid-19* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Selangor (UNISEL). <http://conference.kuis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1006.pdf>
- Heni. (2021). Analisis plot novel *Rebecca* oleh Daphne Du Maurier, diceritakan ulang oleh Margaret Turner. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa dan Sastra*, 7(2), 705-720. <https://ejournal.my.id/onoma/article/view/1384>
- Irawan Adi. (2021). *Analisis struktur alur, penokohan dan latar pada novel Cinta Itu Luka karya Revina Vt* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan. <http://repo.stkipgri-bkl.ac.id/id/eprint/1137>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). *Bahagian Maqasid Syariah*. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif
- Lee, K.T., & Mohd Safar Hashim. (2016). Artikulasi isu-isu sejarah dalam media massa di Malaysia. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 43(1), 1-18. <http://ejournal.ukm.my/jebat/issue/view/802>
- Mohd Izzuddin Mohd Noor & Fatimah Nadirah Mohd Noor. (2021). Aplikasi Maqasid Syariah dalam membina standard konsep hospital patuh syariah. *Jurnal 'Ulwan*, 6(2), 302-314. <https://journal.iainkudus.ac.id/index.php/Yudisia/article/download/693/682>
- Mohd Rizal Azman Rifin. (2019). Hikmah sebalik solat. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/amp/addin/2019/04/447769/hikmah-sebalik-solat>
- Moh. Toriquddin. (2014). Teori Maqasid Syariah perspektif Al-Syatibi. *Jurnal Syariah dan Hukum*, 6(1), 33-47. <https://media.neliti.com/media/publications/23678-ID-teori-maqasid-syariah-perspektif-al-syatibi.pdf>
- Mohd Yusri Ibrahim. (2019). Maqasid al-shariah: Sejarah perkembangan serta sumbangan para ulama usul al-Fiqh awalin dan Muta'akhirnya. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 18-30. <http://www.irjsmi.com/PDF/IRJSMI-2019-02-12-03.pdf>
- Muhammad Ash Shalabi. (2008). *The great leader of Umar Al-Khattab*. Pustaka Al-Kautsar
- Muhammad Zaidi Abdul Rahman. (2015). Aplikasi Maqasid al-Syariah dalam pentadbiran negara: Satu tinjauan sejarah Islam. *Jurnal Fiqh*, 12(1), 29-56. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol12no1.2>
- Muniz, H. (2019). What is the Plot of a Story? The 5 part of the narrative. *Prepscholar*. <https://blog.prepscholar.com/what-is-plot-definition>
- Norashikin Ahmad. (2020). Maqasid al-Syariah: Analisis berdasarkan pemikiran sarjana ekonomi Islam Arus Perdana. *Journal of Islamic Social Economics and Development*, 5(30), 151 - 158. <http://www.jised.com/PDF/JISED-2020-30-06-16.pdf>
- Nur Mohammad Hadi Zahalan. (2019). Nikmati kemajuan negara berlandas Maqasid Syariah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/amp/kolumnis/2019/11/628534/nikmati-kemajuan-negara-berlandas-maqasid-syariah>
- Rabiatu Adawiah Saat, Iqlima Ibrahim, Nur 'Izzati Mohd Salleh & Nurul Aida Zuber. (2019). Maqasid Syariah dalam urus-tadbir. *Proceeding of the international conference on Islamic civilization and technology management*. <https://tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19->

Papers/ICTM-20.pdf

- Saleha Astri Rahaningmas & Nurysamsi Maulana Insani. (2018). *Pengaluran ataupemplotan dalam karya sastra*. Scribd. <https://www.scribd.com/document/542527452/Pengeluaran-Atau-Pemplotan-Dalam-Karya-Sastra-Saleha-Dan-Syamsi>
- Silvia Auliya & Rian Damariswara. (2022). Analisis terhadap struktur alur dalam novel *Tapak Jejak* karya Fiersa Bersari. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 14(1), 44-49. <https://ejournal.bsi.ac.id/ejurnal/index.php/wanastra/article/download/10913/5363>
- Tuan Sidek & Ismail. (2021). Membudayakan cara membuat keputusan berteraskan Maqasid Syariah dalam pengurusan organisasi Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10(2), 15-26. <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/download/6242/1233/21675>
- Zuhairi Raffien. (t.t.). *Banding beza dua buah teknik pengumpulan data yang palingsesuai dengan kajian yang anda lakukan*. Scribd. <https://www.scribd.com/document/524679352/>
- Zulfakar Ramlee. (2019). *Prinsip Maqasid Syariah dalam penjenayah dan pencengahan jenayah syariah* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Mara. <https://www.studocu.com/my/document/universiti-teknologi-mara/prinsip-asas-islam/prinsip-maqasid-syariah/44148115>
- Silvia Auliya & Rian Damariswara. (2022). Analisis terhadap struktur alur dalam novel *Tapak Jejak* karya Fiersa Bersari. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 14(1), 44-49. <https://ejournal.bsi.ac.id/ejurnal/index.php/wanastra/article/download/10913/5363>
- Tuan Sidek & Ismail. (2021). Membudayakan cara membuat keputusan berteraskan Maqasid Syariah dalam pengurusan organisasi Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10 (2), 15-26. <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/download/6242/1233/21675>
- Zuhairi Raffien. (t.t.). *Banding beza dua buah teknik pengumpulan data yang paling sesuai dengan kajian yang anda lakukan*. Scribd. <https://www.scribd.com/document/524679352/>
- Zulfakar Ramlee. (2019). *Prinsip Maqasid Syariah dalam penjenayah dan pencengahan jenayah syariah* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Mara. <https://www.studocu.com/my/document/universiti-teknologi-mara/prinsip-asas-islam/prinsip-maqasid-syariah/44148115>